

26/05/2000

Kawasan taman hasilkan makanan kekal diwujudkan

BANGI, Khamis - Mesyuarat Majlis Penyelarasan Sektor Awam-Swasta Dalam Sektor Pertanian hari ini bersetuju mewujudkan kawasan taman pengeluaran makanan kekal di seluruh negara untuk meningkatkan pengeluaran makanan.

Menteri Pertanian, Datuk Dr Effendi Norwawi, berkata seluas 75,000 hektar kawasan di semua negeri sudah dikenal pasti dan tanah itu tidak boleh digunakan untuk pembangunan lain, termasuk perumahan.

"Langkah ini membolehkan pelabur swasta mendapat pajakan tanah, manakala bank pula lebih selesa memberi pinjaman kerana kawasan itu dikhususkan untuk pertanian kekal," katanya selepas mesyuarat majlis itu, di sini hari ini.

Mesyuarat itu yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut dihadiri menteri Kabinet, menteri besar dan ketua menteri, wakil agensi sektor pertanian serta wakil persatuan pertanian, perikanan dan ternakan.

Tiga kertas kerja mengenai Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), Kerjasama Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Sektor Pertanian Dalam Pembangunan Pertanian serta Cadangan Meningkatkan Pelaburan Sektor Swasta dalam Sektor Pertanian dibentangkan dalam mesyuarat tertutup itu.

Effendi berkata, kementerian akan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan semua kerajaan negeri dan mengenai pasti apakah jenis tanaman buah-buahan dan makanan yang sesuai di sesuatu kawasan.

"MoU itu akan memudahkan kementerian dan Kerajaan Pusat menyediakan prasarana untuk membangunkan tanah di kawasan negeri.

"Kerajaan juga akan menyediakan kemudahan sokongan, perkhidmatan, teknologi dan pemasaran untuk mendorong sektor swasta serta persatuan peladangan mengusahakan tanaman makanan," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat itu memberi peluang Kerajaan Pusat, negeri dan sektor swasta melaksanakan segera DPN3 sebagai sektor moden, dinamik dan berdaya saing.

"Kita dapati ada persefahaman di antara ketiga-tiga pihak. Insya-Allah persefahaman ini memudahkan satu berbincang dengan kerajaan negeri untuk memajukan tanah tanah secara maksimum," katanya.

Beliau berkata, apabila DPN3 dilaksanakan kerajaan dapat mengurangkan import makanan daripada 40 peratus sekarang kepada 25 peratus dalam tempoh 10 tahun.

Sementara itu Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan negeri akan mempercepatkan proses bagi membolehkan swasta yang mempunyai ladang besar mengubah suai kegunaan tanah daripada getah atau kelapa sawit kepada sayur-sayuran, buah-buahan dan ternakan.

"Kita sudah mengurniakan 4,000 hektar kepada 28 Pertubuhan Peladang Kawasan dan 2,000 hektar kepada penanam pekebun sayur Cina untuk menanam tanaman makanan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga akan mengurniakan 2,000 hektar kepada swasta yang sudah menghantar cadangan untuk memajukan dengan tanaman bersepadu tidak lama lagi.

(END)